

## UIA Kuantan sedia pikul tugas PPV

Mohd Rafi Mamat - Julai 15, 2021 @ 8:45am

bhnews@bh.com.my



Petugas dan sukarelawan perubatan mengadakan simulasi perjalanan proses suntikan vaksin di Dewan Utama UIAM kampus Kuantan yang menjadi PPV. FOTO NSTP/MOHD RAFI MAMAT

KUANTAN: Pusat Perubatan Sultan Ahmad Shah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (SASMEC @IIUM) kini bersedia sepenuhnya untuk memberi perkhidmatan vaksinasi selepas dipilih sebagai Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Institut Pengajian Tinggi (IPT).

Pengaruhnya, Prof Datuk Dr Mohamed Saufi Awang berkata, persiapan tempat serta petugas dilakukan bagi memastikan proses pemberian vaksin COVID-19 di Dewan Utama UIAM kampus Kuantan berjalan lancar.

Katanya, PPV diwujudkan menerusi inisiatif Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), menjalankan kerjasama dengan Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) dan Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) dalam menjayakan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) di daerah ini.

Katanya, PPV ini dijangka mula beroperasi pada 19 Julai ini dengan kapasiti 1,000 orang sehari khusus untuk memberi suntikan kepada individu yang tersenarai melalui pendaftaran di aplikasi MySejahtera.

"SASMEC @IIUM mendapat kepercayaan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) untuk memberi vaksin kepada orang awam dalam usaha memastikan lebih ramai lagi masyarakat di daerah ini menerima vaksin COVID-19.

"Kami mempunyai 184 petugas kesihatan dan bukan kesihatan serta 136 sukarelawan daripada penuntut UIAM kampus Kuantan.

"Operasi pemberian vaksin COVID-19 bermula jam 8 pagi hingga 5 petang setiap Isnin hingga Jumaat di dewan utama UIAM Kampus Kuantan," katanya selepas simulasi vaksinasi di Dewan Utama UIAM kampus Kuantan, semalam.

Simulasi berkenaan disertai 200 sukarelawan yang terbabit menguruskan semua peringkat pemberian vaksin COVID-19, dipantau pegawai Kementerian Kesihatan (KKM), Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Kuantan dan KPT.

Dr Mohamed Saufi berkata, program vaksinasi yang akan diadakan diharap dapat berjalan lancar hingga selesai Disember depan.